

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang 1993/94**

**Oktober - November 1993**

**ATP 400 - DASAR-DASAR PENGURUSAN**

**Masa: [3 jam]**

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab Soalan Nombor **1** dan **TIGA** soalan lain.

1. "Peranan menetapkan wawasan, misi, matlamat dan strategi terletak pada pemimpin". Jika anda dilantik sebagai Ketua Eksekutif sebuah syarikat yang sederhana besarnya, yang mengeluarkan perabut rumah, bagaimanakah anda akan membentuk wawasan, misi, matlamat dan strategi syarikat tersebut?

[25 markah]

2. Apakah tujuan membuat analisis persekitaran ekonomi? Huraikan bagaimanakah anda akan lakukan analisis persekitaran ekonomi untuk sebuah syarikat perumahan seperti Island & Peninsular atau IJM.

[25 markah]

3. Bagaimanakah anda boleh mengenali kekuatan dan kelemahan syarikat anda? Beri contoh dengan membuat analisis tentang sistem pengeluaran.

[25 markah]

...2/-

4. (a) Apakah yang kita dapat pelajari daripada kajian PIMS (Profit Impact of Market Strategies)?
- (b) Berbanding dengan kajian Peters and Waterman, adakah PIMS boleh lebih dipercayai? Kenapa?

[25 markah]

5. Bincangkan kesan kepada syarikat akibat daripada strategi berikut (berasaskan penyelidikan sehingga kini):
- (a) Strategi pembesaran melalui integrasi menegak ke hadapan.
  - (b) Strategi pembesaran melalui integrasi menegak ke belakang.
  - (c) Strategi pembesaran melalui barang berkaitan.
  - (d) Strategi pembesaran melalui barang tidak berkaitan.

[25 markah]

6. Huraikan bagaimana
- (a) Kepimpinan
  - (b) Struktur Organisasi
  - (c) Sistem Maklumat Pengurusan
- memainkan peranan dalam menjayakan strategi korporat.

[25 markah]

---00000000---